

NO. SOALAN : 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN MOHD NOR
[CAMERON HIGHLAND]**

TARIKH : 18 MAC 2019

MENJAWAB

SOALAN : 6

YB TUAN RAMLI BIN MOHD NOR [CAMERON HIGHLAND] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan standard peratusan keterangan yang diperlukan sebelum seseorang individu dituduh di mahkamah yang diambil kira oleh Jabatan Peguam Negara sebelum sebarang pertuduhan di mahkamah dilakukan terhadap seseorang.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila pihak polis telah melengkapkan siasatan terhadap sesuatu aduan atau kes jenayah, maka pegawai siasatan berkenaan akan menghantar kertas siasatan (I.P) ke pihak Timbalan Pendakwaraya (TPR) untuk mendapatkan consent/ persetujuan daripada Timbalan Pendakwaraya sama ada orang yang disyaki boleh didakwa atau pun tidak di mahkamah.

Secara umumnya terdapat 4 langkah untuk pihak pendakwaraya membuat keputusan sama ada untuk membuat pendakwaan atau tidak iaitu:

Langkah pertama ialah mengetahui apa sebenarnya yang berlaku dan ini adalah tugas pasukan penyiasat daripada PDRM untuk mengumpul maklumat. Pendakwaraya boleh meminta lebih banyak maklumat atau siasatan lanjut daripada mereka.

Langkah kedua ialah pendakwaraya perlu menentukan sama ada kesalahan jenayah telah dilakukan di bawah undang-undang sedia ada contohnya kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau undang-undang yang lain.

Langkah ketiga adalah pendakwa raya perlu menentukan sama ada elemen-elemen jenayah yang telah dilakukan di bawah undang-undang yang relevan itu dapat dibuktikan di mahkamah ataupun tidak. Harus diingat pendakwaraya perlu membuktikan kesnya melepassi keraguan munasabah (beyond reasonable doubt) apabila kes itu dibicarakan. Tertuduh pula tidak perlu membuktikan dirinya tidak bersalah berdasarkan maxim dengan izin “ every person is innocent until proven guilty”. Maxim ini menunjukkan bahawa beban kebuktian (burden of proof) berada di atas pihak pendakwaan. Manakala, pada peringkat pembelaan semasa perbicaraan, beban kebuktikan atas Tertuduh ialah menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan untuk mendapatkan kebebasan (acquittal).

Di peringkat ini juga pendakwaraya perlu membuat keputusan sama ada keterangan atau bahan bukti sudah cukup untuk dikemukakan di mahkamah termasuklah kenyataan daripada saksi-saksi yang ada.

Sekiranya pendakwaraya telah memenuhi ketiga-tiga langkah tersebut, langkah terakhir ialah sama ada pendakwaan perlu dilakukan atau tidak.

Pendakwaraya perlu membuat keputusan sama ada pendakwaan di mahkamah dilakukan untuk kepentingan umum (public interest). Pendakwaraya mempunyai kuasa atau budi bicara dalam perkara ini sepetimana yang termaktub dalam Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan dan di bawah Seksyen 254 Akta Kanun Prosedur Jenayah di mana Pendakwaraya boleh menolak daripada meneruskan pendakwaan selanjutnya di mana-mana peringkat.

Sekian, terima kasih.